

Headline	TNB sasar ulangi kejuaraan berganda		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2026	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	82,252
Page No	55	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	253 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,410
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,230



Liga Hoki Malaysia 2026

TNB sasar ulangi kejuaraan berganda

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyasarkan untuk mengulangi kejayaan meraih kejuaraan berganda seperti dicapai pada 2024 menjelang saingan Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2026.

Hasrat itu disuarakan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad selepas pelancaran barisan pemain, jersi rasmi baharu serta identiti terkini pasukan utama, ThunderStars di ibu pejabat TNB di Bangsar, kelmarin.

Shamsul berkata, TNB optimis mampu memberi cabaran sengit dalam saingan liga dan Piala TNB musim ini.

"Kami optimis untuk memberi cabaran sengit dalam liga dan Piala TNB. Tidak mustahil untuk mengulangi kejayaan berganda seperti dicapai pada 2024.

"Dalam masa sama, kami akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan hoki negara, khususnya dalam melahirkan bakat muda secara mampan," katanya.



Shamsul (tujuh dari kiri) bersama pasukan TNB ThunderStars pada majlis pelancaran barisan pemain, jersi rasmi baharu serta identiti terkini pasukan ThunderStars di Bangsar, kelmarin.

Sebagai rekod, TNB sudah beraksi dalam saingan MHL sejak 1987 tanpa pernah terlepas satu musim, dengan pencapaian terbaik terbaharu muncul juara berganda pada 2024.

Bagi musim 2026, TNB menukarkan dua pasukan iaitu ThunderStars sebagai skuad utama dan Thunderbolts sebagai pasu-

kan pembangunan.

ThunderStars akan membuka kempen dengan aksi Piala Sumbangsih menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) Sabtu ini, manakala Thunderbolts memulakan saingan liga berdepan UiTM HA-KPT.

Pelancaran ThunderStars menandakan evolusi penjenama-

an baharu hoki TNB, sekali gus memperkukuh status pasukan utama sebagai skuad elit.

Program pembangunan Thunderbolts yang diperkenalkan sejak 2008 terus menjadi asas dalam melahirkan pemain berkualiti dengan tiga bakat muda diseraikan ke skuad utama bagi musim ini.